

**UNTUK EDARAN SEGERA**



**KENYATAAN MEDIA  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**INSIDEN MELIBATKAN KES KECURIAN  
WANG BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP)**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) merujuk kepada laporan kecurian yang melibatkan wang bantuan awal persekolahan berjumlah lebih RM100,000.00.

KPM memandang serius terhadap kejadian ini dan akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam membantu siasatan kes yang sedang dijalankan. Pada masa yang sama, KPM juga sedang menyemak insiden ini daripada segi prosedur dan tatacara pengeluaran wang oleh pihak sekolah berdasarkan garis panduan yang telah ditetapkan.

KPM melalui Surat Pindaan Ke Atas Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 20 Tahun 2020: Bantuan Awal Persekolahan, bertarikh 29 Disember 2022 telah memberi peringatan kepada semua pengurus sekolah berkaitan pematuhan kepada Tatacara Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Sekolah yang sedang berkuat kuasa. Garis Panduan Bantuan Awal Persekolahan ini juga telah menetapkan tatacara pengeluaran wang tunai dari bank oleh pihak sekolah untuk jumlah melebihi RM10,000 mestilah dalam keadaan selamat dengan perkhidmatan polis pengiring.

KPM tidak akan sesekali berkompromi dalam hal-hal yang melibatkan pengurusan sekolah khususnya dalam perkara-perkara yang melibatkan prosedur dan tatacara kewangan. Tindakan tegas boleh diambil terhadap mana-mana individu yang didapati cuai atau tidak akur kepada arahan yang telah ditetapkan.

KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

**KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**  
**17 JANUARI 2023**